

## Potensi dan Peranan Program Berorientasikan Perniagaan dan Keusahawanan dalam Membasmi Kemiskinan di Malaysia

Norhidayati Nadiha Mukri

Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS), Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia  
Email of corresponding author: hidayatinadiha@gmail.com

Perniagaan merupakan bidang yang sangat berpotensi untuk membantu menambah pendapatan dan mengurangkan kemiskinan. Menyedari kepentingan dan potensi perniagaan untuk membantu menambah pendapatan, kerajaan Malaysia telah memperuntukkan bajet yang besar untuk program-program pembasmian kemiskinan yang menfokuskan kepada perniagaan dan keusahawanan. Justeru kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti potensi dan peranan program yang berorientasikan perniagaan dan keusahawanan dalam membasmi kemiskinan di Malaysia serta menganalisis keberkesanan program-program tersebut dalam membantu golongan miskin keluar daripada kemiskinan. Kajian ini menggunakan analisis kandungan data sekunder seperti laporan-laporan program pembangunan di Malaysia, laporan bajet tahunan, Buku Rancangan Malaysia dan dokumen-dokumen berkaitan untuk mengenal pasti dan menganalisis program-program yang berorientasikan perniagaan dan keusahawanan yang dilaksanakan di Malaysia. Hasil analisis mendapati program yang berorientasikan perniagaan dan keusahawanan sememangnya dapat membantu golongan miskin meningkatkan pendapatan. Namun begitu, terdapat juga masalah dan kelemahan program-program yang dilaksanakan seperti bantuan yang tidak dimanfaatkan oleh golongan miskin serta kelemahan dalam pengurusan pengagihan bantuan. Oleh yang demikian, penambahbaikan terhadap program pembasmian kemiskinan yang berorientasikan perniagaan dan keusahawanan ini perlu dilakukan agar bajet yang diperuntukkan dapat dimanfaatkan secara maksima dalam membasmi kemiskinan di Malaysia.

**Kata Kunci:** Perniagaan, Keusahawanan, Pembasmian Kemiskinan

### Pendahuluan

Perniagaan dan keusahawanan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi, menambahkan peluang pekerjaan serta pembasmian kemiskinan. Menurut Stocking (2009), perniagaan memainkan peranan penting dalam membasmi kemiskinan. Hal ini kerana perniagaan dapat memberi manfaat kepada golongan miskin sebagai pekerja, pengeluar atau pengguna. Di samping itu, cukai yang dikenakan ke atas sesebuah perniagaan dapat mempengaruhi dasar-dasar awam serta membiayai perkhidmatan awam yang turut memberi manfaat kepada golongan miskin. Penglibatan golongan miskin secara langsung dalam perniagaan pula dapat memberi peluang kepada golongan ini untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Aktiviti perniagaan dan keusahawanan secara meluas juga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Menurut Naudé, (2013), perkembangan aktiviti perniagaan dan keusahawanan sejak tiga dekad yang lalu telah berjaya mengurangkan kemiskinan dalam kebanyakan negara seperti di China. Perkembangan ekonomi dan peluang pekerjaan yang banyak ini seterusnya dapat membantu membasmi kemiskinan.

Menyedari tentang kepentingan dan potensi perniagaan dan keusahawanan dalam meningkatkan taraf ekonomi sesebuah negara, pelbagai program yang berorientasikan perniagaan dan keusahawanan telah dirancang dan dilaksanakan dalam kebanyakan negara. Program-program yang berorientasikan perniagaan dan keusahawanan yang dimaksudkan di sini ialah program-program yang melibatkan aktiviti perniagaan dan keusahawanan untuk membantu golongan miskin menambah pendapatan mereka dan sekali gus untuk membasmi kemiskinan. Malaysia juga tidak terkecuali dalam melaksanakan program-program tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengenal pasti potensi dan peranan program-

program yang berorientasikan perniagaan dan keusahawanan untuk membasmi kemiskinan di Malaysia. Bagi menjelaskan lagi perkara ini, pebincangan dalam kertas kerja ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu bahagian pertama, membincangkan tentang program-program yang berorientasikan perniagaan dan keusahawanan untuk membasmi kemiskinan di Malaysia. bahagian kedua, membincangkan peranan program-program yang berorientasikan perniagaan dan keusahawanan dalam membantu membasmi kemiskinan di Malaysia serta kekangan atau masalah yang dihadapi dalam menjalankan program tersebut. Bahagian ketiga pula, membincangkan potensi program-program yang berorientasikan perniagaan dan keusahawanan dalam membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah meningkatkan pendapatan.

### **Program-Program Berorientasikan Perniagaan dan Keusahawanan untuk Membasmi Kemiskinan di Malaysia**

Malaysia merupakan antara negara yang komited dalam usaha untuk membasmi kemiskinan. Pelbagai dasar dan program telah dibentuk dan dilaksanakan bagi membasmi kemiskinan di Malaysia. Bermula dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1971, pembasmian kemiskinan menjadi salah satu strategi untuk menggalakkan perpaduan negara pada ketika itu. DEB mempunyai strategi serampang dua mata iaitu pertama membasmi kemiskinan dengan cara meningkatkan taraf pendapatan dan menambah peluang pekerjaan tanpa mengira kaum. Strategi kedua pula mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat dengan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi (Mohamad Asrol Apidi Mamat, Ishak Saat dan Khairi Ariffin, 2014). Seterusnya pelbagai dasar lain digubal dalam usaha Malaysia untuk meningkatkan pembangunan. Melalui dasar-dasar tersebut pula, pelbagai program pembangunan dirancang. Program pembasmian kemiskinan merupakan salah satu program penting untuk membangunkan negara. Oleh yang demikian, pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan untuk membasmi kemiskinan di Malaysia. Program-program yang berorientasikan perniagaan dan keusahawanan menjadi antara program penting bagi membantu golongan miskin meningkatkan pendapatan mereka dan seterusnya keluar daripada kemiskinan.

Berdasarkan laporan Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, program pembasmian kemiskinan yang melibatkan perniagaan dan keusahawanan di Malaysia antaranya ialah Program 1AZAM, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Program Keusahawanan Mikro dan Program Pembangunan Keusahawanan Zakat (Mohd Ayob Abd Razid, 2013). Program-program tersebut menfokuskan perniagaan dan keusahawanan sebagai cara untuk membantu golongan miskin meningkatkan pendapatan mereka.

Program 1AZAM merupakan salah satu inisiatif khusus Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang bertujuan mengeluarkan isi rumah berpendapatan rendah daripada kepompong kemiskinan. Melalui inisiatif ini, kerajaan berharap golongan ini mampu meningkatkan pendapatan dengan usaha sendiri melalui sektor pekerjaan, pertanian, keusahawanan ataupun sektor perkhidmatan (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2015). Program 1AZAM ini berteraskan konsep keusahawanan sosial dan pendekatan kebajikan produktif yang bertujuan mengoptimalkan potensi individu berteraskan bidang kemahiran atau minat masing-masing. Program 1AZAM merangkumi empat program utama iaitu Azam Tani, Azam Kerja, Azam Khidmat dan Azam Niaga. Selain itu, Program 1AZAM juga memberikan sokongan dan latihan kepada golongan miskin bandar melalui Azam Bandar (PEMANDU, 2015).

TEKUN Nasional pula telah ditubuhkan oleh kerajaan pada 9 November 1998. Ia bertujuan meningkatkan taraf ekonomi Bumiputera melalui penglibatan mereka dalam bidang perniagaan. Bermula tahun 2008, TEKUN Nasional telah membuat perubahan dan pembaharuan selaras dengan keperluan semasa dengan menjadikan institusi tersebut sebagai sebuah institusi pembangunan usahawan strategik dan

tidak hanya menyediakan kemudahan modal perniagaan semata-mata. TEKUN Nasional menjadi sebuah institusi yang menyediakan peluang-peluang perniagaan serta peluang-peluang menjana pendapatan, pembiayaan modal perniagaan, khidmat bimbingan dan sokongan serta Jaringan Usahawan (TEKUN Nasional, 2016).

Seterusnya, program Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). AIM ditubuhkan pada September 1987 bertujuan untuk mengurangkan kemiskinan isi rumah dengan menyediakan pembiayaan kredit mikro untuk membiayai kegiatan ekonomi, menambah pendapatan serta menyediakan latihan dan bimbingan berterusan kepada isi rumah miskin dan termiskin (Mohd Ayob Razib, 2013). Selain AIM, kerajaan juga menubuhkan program Keusahawanan Mikro yang dilaksanakan melalui pelbagai agensi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Pembangunan Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELCRA), Lembaga Kemajuan Pekebun Kecil dan Perusahaan Getah (RISDA), Yayasan Pembangunan Keusahawanan (YPU) dan Yayasan Perancangan Keluarga (YPK) (Mohd Ayob Razib, 2013).

Selain itu, institusi zakat di Malaysia juga turut menjalankan program-program yang berorientasikan perniagaan dan keusahawanan bagi membantu golongan miskin yang beragama Islam. Melalui revolusi dalam pengurusan dan pengagihan zakat, institusi zakat di Malaysia kini tidak lagi hanya mengagihkan zakat dalam bentuk wang tunai ataupun barangan keperluan, tetapi dana zakat ini turut diagihkan melalui program pembangunan ekonomi dan pembangunan usahawan asnaf. Program pembangunan ekonomi dan pembangunan usahawan asnaf ini memperuntukkan dana zakat untuk diberikan kepada asnaf yang berkelayakan sebagai modal untuk menjalankan perniagaan (Ahmad Anis Mohd Fauzi et.al, 2014).

### **Pembasmian Kemiskinan Melalui Program Berorientasikan Perniagaan dan Keusahawanan**

Banyak kajian menunjukkan perniagaan dan keusahawanan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi, menambahkan peluang pekerjaan serta membasmi kemiskinan. Antaranya kajian awal yang dilakukan oleh Birch (1979), mendapati 80% peluang pekerjaan diwujudkan antara tahun 1969 dan 1976 di Amerika kesan daripada aktiviti perniagaan kecil. Selain itu, kajian oleh Gebrimariam, Gebremedhin dan Jackson (2004) juga menunjukkan hubungan yang positif antara perniagaan kecil dengan perkembangan ekonomi. Hal ini membuktikan sememangnya aktiviti perniagaan dan keusahawanan telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi yang pesat dalam sesebuah negara ini pula seterusnya mampu menambah peluang pekerjaan dan membasmi kemiskinan.

### **Peranan Program Berorientasikan Perniagaan dan Keusahawanan di Malaysia**

Di Malaysia, program-program pembasmian kemiskinan yang berorientasikan perniagaan dan keusahawanan juga turut memainkan peranan penting dalam membantu golongan miskin meningkatkan taraf hidup mereka. Antara program yang dianggap berkesan membantu golongan miskin meningkatkan pendapatan di Malaysia ialah program pembiayaan kredit mikro Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). AIM telah ditubuhkan sejak September 1987 dengan memberikan pinjaman modal kepada golongan miskin dengan syarat-syarat pinjaman yang mudah dan berpatutan bagi membolehkan mereka menjalankan aktiviti yang dapat menjana pendapatan (Mohamed Zaini Omar, 2010). Antara aktiviti yang banyak dijalankan ialah aktiviti perniagaan dan keusahawanan. Menurut Norma Md Saad (2011), yang mengkaji tentang pemilihan aktiviti penjana pendapatan oleh usahawan kredit mikro AIM, mendapati aktiviti ekonomi dalam sektor perdagangan atau perniagaan sangat menguntungkan dan memberikan purata pendapatan yang tinggi berbanding aktiviti dalam sektor pengeluaran dan perkhidmatan.

Berdasarkan dapatan analisis beberapa kajian lepas yang dijalankan oleh Mohamed Zaini Omar, Main Rindam dan Che Supian Mohamad Nor. (2012) mendapati skim pembiayaan kredit mikro AIM telah meningkatkan prestasi ekonomi Sahabat. Sementara, penemuan kajian oleh Mohamed Zaini, Che

Supian Mohamad Nor dan Norziani Dahalan (2012), pula menunjukkan program AIM sangat berkesan dalam mengurangkan kemiskinan di Malaysia. Program mikro kredit AIM ini berkesan dalam meningkatkan pendapatan seterusnya mengurangkan kemiskinan dalam kalangan peserta selepas terlibat dalam program AIM. Selain itu, Menurut Syuhada Abd Halim, Doris Padmini Selvaratnam dan Norlaila Abu Bakar (2013), melalui kajian mereka di Cawangan Kota Setar, Kedah mendapati 97.9 peratus Sahabat bersetuju bahawa pembiayaan kredit yang diberikan oleh AIM dapat meningkatkan taraf hidup mereka dan 99.4 peratus berpendapat bahawa AIM juga mampu meningkatkan pendapatan mereka. Mereka juga menyokong dan bersetuju bahawa AIM wajar diteruskan dan diperluaskan di seluruh negara kerana AIM merupakan salah satu cara yang dilihat berkesan dalam membasmi kemiskinan di Malaysia.

Selain pembiayaan kredit mikro AIM, Program 1AZAM juga megetengahkan konsep perniagaan dan keusahawanan sebagai cara membasmi kemiskinan. Program 1AZAM adalah antara program pembasmian kemiskinan terkini yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia. Program ini mula dilaksanakan pada tahun 2010. Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, bagi tempoh Januari 2010 sehingga 31 Disember 2015, jumlah peserta program 1AZAM adalah seramai 190,799 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 85,866 (45%) orang peserta daripada tahun 2012 sehingga 2015 telah berjaya meningkatkan pendapatan masing-masing. Seramai 15,904 orang peserta 1AZAM daripada bulan Januari hingga Disember 2012 telah berjaya meningkatkan pendapatan keluarga hingga melepasi Paras Garis Kemiskinan (PGK) manakala seramai 7,936 orang peserta telah meningkatkan pendapatan keluarga melebihi RM200. Manakala bagi tahun 2013 sehingga 31 Disember 2015, terdapat seramai 62,026 orang peserta Program 1AZAM telah meningkatkan pendapatan keluarga melebihi RM300.

Institusi zakat di Malaysia turut memainkan peranan dalam membasmi kemiskinan terutamanya dalam kalangan masyarakat Islam. Pengagihan dana zakat kini bukan hanya tertumpu kepada pengagihan bantuan secara tunai ataupun dalam bentuk barang keperluan. Dana zakat juga kini diagihkan dalam bentuk modal untuk memulakan perniagaan atau aktiviti-aktiviti keusahawanan yang lain. Berdasarkan beberapa kajian, impak keberkesanan program keusahawanan zakat ini kurang menyerlah dibandingkan dengan pembiayaan mikro kredit. Azman Ab Rahman et.al (2014), yang mengkaji berkaitan keberkesanan program usahawan asnaf oleh institusi zakat di negeri Selangor dan Pulau Pinang, mendapati impak program usahawan asnaf tidak begitu menyerlah berbanding dengan program usahawan kredit mikro oleh TEKUN atau AIM. Hal ini disebabkan program usahawan asnaf bersifat pengagihan wang yang tidak perlu dibayar semula oleh penerima seperti program usahawan kredit mikro yang berbentuk pinjaman. Ini seterusnya mempengaruhi komitmen peserta untuk menjalankan perniagaan dengan bersungguh-sungguh. Selain itu, menurut Mohd Sabri Abdul Ghafar et.al (2017), keberkesanan bantuan modal zakat yang diberikan kepada asnaf miskin oleh MAIDAM sangat berkait rapat dengan sikap, pemantauan, bimbingan dan disiplin penerima bantuan tersebut. Melalui kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa hanya 3.1% penerima mencapai tahap keberkesanan yang sangat baik dan 42% baik. Kajian juga menunjukkan hanya 0.33% penerima bantuan modal yang menunjukkan tahap potensi yang sangat baik dan 19.65% mempunyai potensi baik. Hasil kajian menunjukkan bahawa pencapaian matlamat keberkesanan bantuan modal zakat yang diberikan kepada usahawan asnaf masih berada di tahap yang rendah. Begitu juga potensi usahawan asnaf masih perlu digilap kerana majoriti (lebih 80%) mereka belum mencapai potensi yang seharusnya ada bagi mencapai kejayaan. Nurhanie Mahjom, Fatimah Salwa Abd Hadi dan Zuraidah Ismail (2014), pula menyatakan, program keusahawanan zakat didapati tidak akan membantu dan menunjukkan hasil yang baik jika asnaf yang terlibat tidak menggunakan peluang yang diberikan sebaiknya serta tidak bersedia berdepan dengan cabaran sebagai seorang usahawan.

Namun begitu, tidak dinafikan program keusahawanan zakat ini sedikit sebanyak menyumbang kepada

pengurangan kemiskinan. Terdapat beberapa kisah kejayaan usahawan asnaf yang dilaporkan. Antaranya melalui laporan daripada Majalah Asnaf terbitan LZS pada tahun 2012, menceritakan beberapa kisah kejayaan asnaf dalam menjalankan perniagaan dengan bantuan modal daripada LZS. Azhar Mohamad Zin yang diberikan bantuan modal perniagaan sebanyak RM 22,000 telah memulakan perniagaan pencetakan dan pengiklanan dan berjaya keluar daripada asnaf miskin sehingga beliau akhirnya mampu untuk mengeluarkan zakat pendapatan. Selain itu, Borhan Salikon adalah antara asnaf yang berjaya dalam perniagaan yang dijalankan melalui bantuan modal zakat. Beliau pernah hidup melarat akibat kegagalan dalam perniagaan cendol yang diusahakan sejak tahun 1987, namun pada tahun 2010, LZS telah menyalurkan bantuan sebanyak kira-kira RM 27,000 untuk membeli pelbagai kelengkapan perniagaan. Akhirnya pada penghujung tahun 2010, beliau telah berjaya keluar daripada kategori asnaf.

Berdasarkan laporan-laporan serta kajian-kajian yang dilakukan terhadap program-program pembasmian kemiskinan yang berorientasikan perniagaan dan keusahawanan, didapati program-program tersebut sememangnya memainkan peranan penting dalam usaha membasmi kemiskinan di Malaysia. Melalui program-program tersebut, golongan miskin diberikan bantuan dalam bentuk modal untuk memulakan perniagaan, pembiayaan kredit mikro serta kelengkapan untuk menjalankan aktiviti perniagaan dan keusahawanan. Selain itu program-program ini juga turut menyediakan khidmat bimbingan serta latihan dalam bidang keusahawanan. Oleh yang demikian, secara umumnya dapat disimpulkan peranan penting program-program tersebut adalah membantu golongan miskin meningkatkan pendapatan mereka. Melalui peningkatan pendapatan ini mereka dapat memperbaiki taraf kehidupan mereka dan seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan.

### **Masalah dan Kekangan**

Program-program yang berorientasikan perniagaan dan keusahawanan ini sememangnya dilihat dapat membantu golongan miskin meningkatkan pendapatan. Namun demikian, terdapat masalah-masalah atau kekangan yang wujud dalam menjalankan program-program tersebut. Masalah dan kekangan yang wujud ini dapat mengganggu kelicinan program yang dilaksanakan. Antara masalah yang dikenal pasti contohnya dalam program 1AZAM peserta program tidak menggunakan bantuan peralatan yang diberikan untuk menjalankan aktiviti keusahawanan. Selain itu terdapat juga peserta 1AZAM yang tidak diketahui statusnya sama ada layak ataupun tidak untuk menerima bantuan (Kementerian Kewangan Malaysia, 2014).

Melalui program keusahawanan zakat pula, masalah yang dikesan ialah prestasi peserta yang diberikan bantuan modal untuk menjalankan aktiviti perniagaan dan keusahawanan tidak memuaskan. Hal ini disebabkan program keusahawanan zakat bersifat pengagihan wang yang tidak perlu dibayar semula oleh penerima seperti program usahawan kredit mikro yang berbentuk pinjaman. Ini seterusnya mempengaruhi komitmen peserta untuk menjalankan perniagaan dengan bersungguh-sungguh (Azman Ab Rahman et.al, 2014).

Masalah-masalah serta kekangan dalam melaksanakan program-program tersebut perlulah dikaji serta diusahakan jalan penyelesaiannya. Perkara ini bagi memastikan bajet yang besar diperuntukkan untuk program-program tersebut dapat memberikan hasil yang maksimum dalam mengurangkan kemiskinan di Malaysia.

### **Potensi Perniagaan dan Keusahawanan Membasmi Kemiskinan**

Banyak kajian membuktikan perniagaan dan keusahawanan merupakan antara alat atau cara yang penting dan berpotensi dalam usaha membasmi kemiskinan (Ogundele et.al, 2012, Ilemona dan Akoji (2013), Misango dan Ongiti (2013), Mohammad Delwar Hussain et.al, 2014 dan Ali Yassin Shaeikh Ali dan Abdel Hafiez Ali, 2013). Namun demikian, terdapat aspek-aspek lain yang diperlukan bagi

memastikan perniagaan dan keusahawanan ini benar-benar mampu untuk membantu membasmi kemiskinan. Menurut Mohammad Delwar Hussain et.al, (2014), inovasi, latihan dan pendidikan keusahawanan, latar belakang keluarga, program sokongan kerajaan, keusahawanan sosial, penyertaan wanita, ciri-ciri keusahawanan individu, penyertaan mikro, perusahaan kecil dan sederhana, pemerkasaaan belia, kerjasama antara kerajaan, universiti dan sektor industri adalah alat untuk pembangunan keusahawanan yang boleh merangsang pekerjaan dan mengurangkan kemiskinan. Vandenberg (2006), pula menyatakan peranan sektor swasta termasuk perusahaan dan perniagaan kecil sangat penting dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan dengan mewujudkan dan mengekalkan pekerjaan bagi golongan miskin untuk bekerja dan mendapatkan pendapatan yang diperlukan untuk membeli barangan dan perkhidmatan. Slivinski (2012), pula menyatakan bagi mengurangkan kemiskinan pembuat dasar perlu memberi fokus untuk meningkatkan bilangan usahawan di negara mereka. Kajian menunjukkan bahawa salah satu cara yang paling berkesan untuk meningkatkan keusahawanan ialah dengan mengurangkan beban cukai. Menurut Slivinski (2012) beban cukai yang tinggi diukur sebagai peratusan daripada pendapatan peribadi telah menurunkan kadar pertumbuhan keusahawanan.

Berdasarkan kajian-kajian tersebut dapat disimpulkan antara aspek-aspek penting yang dapat mempengaruhi kejayaan sesebuah perniagaan dan keusahawanan ialah pendidikan dan latihan keusahawanan, ciri-ciri keusahawanan individu, latar belakang keluarga, kerjasama antara kerajaan, universiti dan sektor industri dan pengurangan beban cukai. Oleh yang demikian, program-program yang berorientasikan perniagaan dan keusahawanan yang dirancang dan dijalankan untuk golongan miskin perlu mengambil kira aspek-aspek tersebut. Ini bagi memastikan bajet besar yang diperuntukkan untuk menjalankan program-program tersebut dapat dimanfaatkan secara maksimum untuk mengurangkan dan membasmi kemiskinan.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan, membuktikan program-program pembasmian kemiskinan yang berorientasikan perniagaan dan keusahawanan mempunyai potensi untuk membantu golongan miskin meningkatkan pendapatan mereka, sekali gus membasmi kemiskinan. Oleh yang demikian, masalah dan kekangan dalam melaksanakan program-program tersebut perlulah diatasi. Penambahbaikan perlu dilakukan agar dapat melicinkan pentadbiran dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah program-program tersebut serta dapat meningkatkan pendapatan peserta-peserta yang mengikutinya. Seterusnya melalui penambahbaikan ini juga diharapkan dapat membantu kerajaan dalam membasmi kemiskinan di Malaysia.

### **Rujukan**

- Ahmad Anis Mohd Fauzi et. al, (2014). Keberkesanan program usahawan asnaf oleh institusi zakat dalam menginterpretasikan keharmonian ummah. *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014* (e-ISBN 978-967-11768-4-9), 4-5 March 2014, Kuala Lumpur, MALAYSIA. Organized by WorldConferences.net.
- Ali Yassin Shaeikh Ali dan Abdel Hafiez Ali (2013). Entrepreneurship Development and Poverty Reduction: Empirical Survey from Somalia. *American International Journal of Social Science*. 2(3), pp.108-113.
- Azman Ab Rahman, Mohamad Yazis Ali Basah, Mahdhir Abdullah, Mohammad Noorizzudin Nooh & Ahmad Anis Mohd Fauzi, (2014). Keberkesanan Program Usahawan Asnaf Oleh Institusi Zakat Dalam Menginterpretasikan Keharmonian Ummah. *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014* (e-ISBN 978-967-11768-4-9), 4-5 March 2014, Kuala Lumpur, MALAYSIA. Organized by WorldConferences.net
- Birch, D., L. (1979). The Job Generation Process, unpublished report prepared by the MIT Program on Neighborhood and Regional Change for the Economic Development Administration, U.S. Department of Commerce, Washington, DC, 1979. [Diakses pada 6 November 2017,

- (<http://www.brevolutionconsulting.com/articles/david-l-birchs-contributions-to-entrepreneurship-and-small-business-research/>.)]
- Gebriam, Gebremedhin dan Jackson (2004). *The Role Of Small Business In Economic Growth And Poverty Alleviation In West Virginia: An Empirical Analysis*. [Diakses pada 6 November 2017, (<http://rri.wvu.edu/wp-content/uploads/2012/11/gebremedhinwp2004-10.pdf>.)]
- Hamizul Abdul Hamid. (2012). *Perit Merintis Menggamit Manis*. Majalah Asnaf. Lembaga Zakat Selangor.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2014). *Maklum Balas ke Atas Laporan Ketua Audit Negara, Siri 3 Tahun 2013*. Putrajaya: Kementerian Kewangan Malaysia.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2013). *Program 1 AZAM*. [Diakses pada 6 November 2017, (<http://www.kpwkm.gov.my/nkra/1azam>.)]
- Misango, S. B., dan Ongiti, O. K. (2013). Do Women Entrepreneurs Play a Role in Reducing Poverty?: A Case in Kenya. *International Review of Management and Business Research*, 2(1), pp.87-103.
- Mohamad Asrol Apidi Mamat, Ishak Saat dan Khairi Ariffin, 2014. Impak Dasar Ekonomi Baru ke atas Peningkatan Ekonomi Bumiputera Selepas Tragedi 31 Mei 1969. *Jurnal Perspektif*, 6(3) pp.138-151
- Mohamed Zaini Omar, Che Supian Mohamad Nor & Norziani Dahalan. (2012). The Economic Performance Of The Amanah Ikhtiar Malaysia Rural Microcredit Programme: A Case Study In Kedah. *World Journal of Social Science*, 2(5), pp.286 – 302.
- Mohamed Zaini Omar, Main Rindam & Che Supian Mohamad Nor. (2012). Pencapaian skim kredit mikro Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dalam lanskap pembangunan luar bandar: Satu penilaian. *GEOGRAFIA Online TM Malaysia Journal of Society and Space*, (8) 2, pp. 7-19.
- Mohamed Zaini Omar. (2010). *Pembasmian Kemiskinan di Malaysia: Pengalaman Amanah Ikhtiar Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohammad Delwar Hussain, Abul Basyar Bhuiyan dan Rosni Bakar, (2014). Entrepreneurship development and poverty alleviation: an empirical review. *Journal Of Asian Scientific Research*, 2014, 4(10), pp.558-573.
- Mohd Ayop Abd Razid (2013). *Kejayaan Malaysia dalam Program Basmi Kemiskinan*. Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Mohd Sabri Abdul Ghafar, Zainudin Zakaria, Rohana Yusoff, Mohd Ariff Kamaludin dan Azian Abdul Ghani (2017). Model Pembangunan Usahawan Asnaf Maidam (PUASMA). Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017.
- Naudé, W., (2013). Entrepreneurship and economic Development: Theory, evidence and policy. IZA Discussion Paper No. 7507. German: IZA.
- Norma Md Saad (2011). Selecting High-income Generating Activities for Micro-entrepreneurs: The Case Study of Amanah Ikhtiar Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science*, 1(5), pp. 258-264.
- Nurhanie Mahjom, Fatimah Salwa Abd Hadi dan Zuraidah Ismai (2014). Prestasi Bukan Kewangan Dan Persepsi Usahawan Asnaf Zakat Terhadap Program Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat Produktif. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*. 1-2 December 2014. Kuala Lumpur. pp.163-173.
- Ogundele, O. J. K., Waidi Adeniyi Akingbade, dan Hamed Babatunde Akinlabi (2012). Entrepreneurship Training And Education As Strategic Tools For Poverty Alleviation In Nigeria. *American International Journal of Contemporary Research*, 2(1), pp.148-156
- PEMANDU, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksana. (2015). *Laporan Tahunan 2014, Program Transformasi Kerajaan (GTP)*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri
- Slivinski, S., (2012). Increasing Entrepreneurship is a Key to Lowering Poverty Rates. *Policy Report, Goldwater Institute, No. 254*. November 13, 2012.
- Stocking, B. (2009). *A Business Case for Fighting Poverty*. Oxfam GB: United Kingdom. [Diakses pada 30 Oktober 2017, (<https://www.oxfam.org.nz/sites/default/files/reports/Briefings%20for%20business%202.pdf>.)]

- Syuhada Abd Halim, Doris Padmini Selvaratnam dan Norlaila Abu Bakar (2013). Pembasmian Kemiskinan Melalui Program Amanah Ikhtiar: Kajian Kes Cawangan Kota Setar, Kedah. Prosiding PERKEM VIII, Jilid 3 (2013) 1340 - 1351 ISSN: 2231-962X.
- TEKUN Nasional (2016). Pengenalan. [Diakses pada 23 Oktober 2017, (<https://www.tekun.gov.my/ms/maklumat-korporat/info/pengenalan/>)]
- Vandenberg, P., (2006). Poverty reduction through small enterprises. *SEED Working Paper No. 75*. Geneva: International Labour Office.